



TEKS UCAPAN PERASMIAN

YBHG. DATO' SRI KHAZALI BIN HJ. AHMAD
KETUA PENGARAH KASTAM MALAYSIA

BERSEMPENA:
MAJLIS PELANCARAN PASUKAN TAKTIKAL BERSENJATA
JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

TEMPAT:
LAPANG SASAR PDRM BIDONG, LEMBAH BIDONG,
TERENGGANU

TARIKH:
28 NOVEMBER 2016 | ISNIN

1. BISMILLAHHI RAHMANI RAHIM

ALHAMDULILLAH ROBBIL A'LAMIN

WABIHI NASTA'IN

WA'ALA ALIHI WASOHBIHI AJMA'IN

2. **YBHG. DATO` SUBROMANIAM THOLASY,**

TIMBALAN KETUA PENGARAH KASTAM

(PENGUATKUASAAN & PEMATUHAN),

YBHG. DATO' HASNOL ZAM ZAM BIN AHMAD,

TIMBALAN KETUA PENGARAH KASTAM (PENGURUSAN),

YBHG. DATO' ZULKIFLI BIN YAHYA,

TIMBALAN KETUA PENGARAH KASTAM

(PERKASTAMAN & GST),

YBHG. DATO' PADDY BIN ABD HALIM,

PENOLONG KETUA PENGARAH KASTAM (PENGUATKUASAAN),

YBHG. DATO' HAMZAH BIN SUNDANG,
PENGARAH KASTAM NEGERI TERENGGANU,

YBHG. DATO' ROSLI BIN AB RAHMAN,
KETUA POLIS TERENGGANU,

YBHG. DATO'-DATO' PENGARAH KASTAM IBU PEJABAT DAN
NEGERI,

BARISAN PEGAWAI-PEGAWAI KANAN JABATAN,

SETERUSNYA TUAN-TUAN, PUAN-PUAN SERTA PARA HADIRIN
YANG SAYA HORMATI SEKALIAN.

3. ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.
4. SALAM SEJAHTERA, SALAM 1MALAYSIA DAN SALAM 1KASTAM.
5. ALHAMDULILLAH, BERSYUKUR KITA KE HADRAT ALLAH S.W.T.
KERANA DENGAN LIMPAH KURNIA DAN IZIN-NYA DAPAT KITA

BERSAMA-SAMA MENGHADIRKAN DIRI UNTUK MENYAKSIKAN MAJLIS “PELANCARAN PASUKAN TAKTIKAL BERSENJATA JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA” PADA HARI YANG BERMAKNA INI.

6. TERLEBIH DAHULU INGIN SAYA MERAKAMKAN SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN KEPADA PIHAK JAWATANKUASA MAJLIS PELANCARAN PADA HARI INI DI ATAS KEJAYAAN MENGANJURKAN MAJLIS YANG BAKAL DIREKODKAN SEBAGAI SEJARAH BARU JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA.

YBHG DATO' - DATO', TUAN - TUAN DAN PUAN - PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN.

7. CADANGAN PENUBUHAN PASUKAN TAKTIKAL BERSENJATA JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA INI TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT PENGARAH-PENGARAH KASTAM SE-MALAYSIA YANG KE-78 BERTEMPAT DI HOTEL SAMA-SAMA, KLIA PADA BULAN DISEMBER 2015 YANG LALU.

8. RENTETAN DARI PERISTIWA ITU, JABATAN KASTAM TELAH MENJALINKAN KERJASAMA ERAT DENGAN PASUKAN POLIS DIRAJA MALAYSIA DI BAWAH KEPIMPINAN YBHG. TAN SRI KHALID BIN ABU BAKAR UNTUK MENDAPATKAN KHIDMAT PDRM DALAM MELATIH PASUKAN TAKTIKAL BERSENJATA JKDM INI.
9. KERJASAMA YANG KITA JALINKAN INI ADALAH SELARAS DENGAN SERUAN KERAJAAN MELALUI KONSEP *NATIONAL BLUE OCEAN STRATEGY (NBOS)* YANG MENGGALAKKAN AGENSI KERAJAAN UNTUK MELUASKAN JARINGAN PERHUBUNGAN ANTARA JABATAN.
10. SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN DAN UCAPAN TERIMA KASIH INGIN SAYA ZAHIRKAN KEPADA SELURUH PASUKAN PDRM YANG TERLIBAT DALAM USAHA MERIALISASIKAN PASUKAN TAKTIKAL BERSENJATA JKDM INI DAN BERHARAP AGAR PERKONGSIAN KEPAKARAN SEPERTI INI DAPAT KITA TERUSKAN DI MASA HADAPAN.

**YBHG DATO' - DATO', TUAN - TUAN DAN PUAN - PUAN YANG
DIHORMATI SEKALIAN.**

11. SEBAGAI MAKLUMAN, LATIHAN INTENSIF KUMPULAN PERTAMA PASUKAN TAKTIKAL BERSENJATA JKDM INI TELAH DIJALANKAN DI PUSAT LATIHAN PASUKAN GERAKAN AM, ULU KINTA, PERAK, BERMULA DARIPADA 18 JULAI 2016 SEHINGGA 16 OGOS 2016 MELIBATKAN SERAMAI 23 ORANG PEGAWAI DAN ANGGOTA JABATAN KASTAM.
12. PASUKAN INI TELAH DIDEDAHKAN DENGAN PELBAGAI MODUL LATIHAN SAMA ADA SECARA TEORI MAHUPUN PRAKTIKAL YANG BERUPAYA MENGUJI KEKUATAN FIZIKAL SERTA MENTAL SETIAP ANGGOTA KE ARAH MEMPERSIAPKAN DIRI MEREKA DENGAN KEMAHIRAN UNTUK MENGHADAPI SEBARANG ANCAMAN KETIKA BERTUGAS DI LAPANGAN KELAK.
13. SECARA KESELURUHAN, SERAMAI 205 PEGAWAI DAN ANGGOTA JABATAN KASTAM AKAN TERLIBAT DALAM USAHA

MEMANTAPKAN KEKUATAN PASUKAN TAKTIKAL INI KE SELURUH NEGARA.

14. JUMLAH KEANGGOTAAN INI AKAN DIPERKUKUHKAN DENGAN PENGAMBILAN DAN PEMILIHAN ANGGOTA BARU SECARA BERPERINGKAT DARI SEMASA KE SEMASA.

YBHG DATO'- DATO', TUAN - TUAN DAN PUAN - PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN.

15. OBJEKTIF UTAMA PENUBUHAN PASUKAN TAKTIKAL BERSENJATA JKDM INI ADALAH UNTUK MEMBANTU MENYELESAIKAN SEBARANG HALANGAN MAHUPUN GANGGUAN YANG MUNCUL KETIKA ANGGOTA JABATAN KASTAM MENJALANKAN TUGAS.
16. KEBELAKANGAN INI ANGGOTA JABATAN KASTAM, TERUTAMANYA MEREKA YANG MENJALANKAN TUGAS DI BAHAGIAN PENGUATKUASAAN SERING MENDAPAT ANCAMAN SEPerti CUBAAN BUNUH, UGUTAN MEMBAKAR RUMAH, SIMBAHAN CAT

PADA KENDERAAN PEGAWAI, SERTA HALANGAN DAN GANGGUAN DARIPADA TONTO.

17. PASUKAN INI AKAN DIGERAKKAN KE SELURUH NEGARA SEBAGAI *“STRIKE AND SUPPORT TEAM”* KEPADA PASUKAN-PASUKAN SERBUAN YANG MENGENDALIKAN KES-KES BERPROFIL DAN BERISIKO TINGGI.

YBHG DATO' - DATO', TUAN - TUAN DAN PUAN - PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN.

18. SEMPENA HARI PELANCARAN YANG BERSEJARAH INI, INGIN SAYA UMUMKAN SECARA RASMI BAHAWA PASUKAN TAKTIKAL BERSENJATA JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA INI AKAN DIKENALI SEBAGAI *CUSTOMS OPERATIONAL BATTLE FORCE RESPONSE ASSAULT*, SINGKATANNYA *“COBRA”* ATAU TERJEMAHANNYA KE DALAM BAHASA MALAYSIA SEBAGAI PASUKAN BANTUAN OPERASI MEDAN KASTAM.

19. SAYA DIFAHAMKAN BAHAWA PEMILIHAN NAMA “*COBRA*” INI DIILHAMKAN OLEH BARISAN PEGAWAI DAN ANGGOTA PASUKAN INI SENDIRI KETIKA MEREKA MENJALANI LATIHAN DI ULU KINTA.

20. SECARA RASIONALNYA, NAMA “*COBRA*” AMAT BERTEPATAN DENGAN SIFAT PASUKAN TAKTIKAL BERSENJATA JKDM INI YANG DIYAKINI MAMPU MENGGERUNKAN MUSUH, SENTIASA BERSEDIA UNTUK BERTINDAK, DAN BERUPAYA UNTUK MELUMPUHKAN ANCAMAN-ANCAMAN MUSUH DENGAN KETANGKASAN TAKTIKAL ANGGOTA PASUKAN TERTUTAMANYA KETIKA OPERASI SERBUAN.

YBHG DATO’ - DATO’, TUAN - TUAN DAN PUAN - PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN.

21. SEBELUM SAYA MENGUNDUR DIRI, SEKALI LAGI INGIN SAYA UCAPKAN SYABAS DAN TAHNIAH KEPADA SEMUA PIHAK YANG TELAH MENGGEMBLENG TENAGA UNTUK MENYEMPURNAKAN PELANCARAN PASUKAN “*COBRA*” PADA HARI INI.

22. SAYA AMAT MENGHARAPKAN AGAR DENGAN TERTUBUHNYA PASUKAN “COBRA” INI DAPAT MENYUNTIK SEMANGAT DAN MENJADI PEMANGKING KE ARAH USAHA UNTUK MENINGKATKAN PRODUKTIVITI DAN HASIL JABATAN DI SAMPING MEMANTAPKAN TAHAP KESELAMATAN ANGGOTA KASTAM SEMASA BERTUGAS.

23. AKHIR KATA, SELAMAT MAJU JAYA DAN BERSAMALAH KITA BERKHIDMAT MENYEJAHTERAKAN RAKYAT.

24. SEKIAN, TERIMA KASIH.

25. WABILLAH TAUFIQ WALHIDAYAH
WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAH WABARAKATUH.

DATO' SRI KHAZALI BIN HAJI AHMAD,
KETUA PENGARAH KASTAM MALAYSIA.

28 NOVEMBER 2016